

By : TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
Venue : CYBERJAYA
Date : 09/04/2009
Title : MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN BLOK D MKN EMBASSY TECHZONE,
CYBERJAYA
Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Haji Mustapha Kamal Hj Abu Bakar,
Pengerusi Kumpulan EMKAY

Yang Berusaha Encik Azizan Mohd Sidin, Yang DiPertua Majlis Perbandaraan Sepang

Mr Jitendra Virwani
Chairman of Embassy Group India

Yang Berbahagia Dato' Redza Rafiq Abdul Razak, Pengarah Urusan, Cyberview Sdn Bhd

Para Media Massa
Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para hadirin yang dihormati sekalian

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izin Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Pelancaran Blok D, MKN Embassy Techzone di Cyberjaya pada pagi ini.

2. Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Haji Mustapha Kamal Hj Abu Bakar, Pengerusi Kumpulan EMKAY, kerana sudi mengundang saya untuk menyempurnakan Upacara Pelancaran ini. Saya telah menerima undangan beliau tersebut kerana saya ingin melihat dengan lebih dekat lagi, pembangunan yang dilaksanakan di Cyberjaya, sejajar dengan hasrat menjadikan Cyberjaya sebagai lambang pembangunan Malaysia dalam era k-economy. Alhamdulillah, pembangunan Fasa Pertama telah dilaksanakan dengan jayanya, dan saya percaya pembangunan Fasa Kedua akan memperoleh kejayaan yang sama.

3. Dalam hubungan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan bandar ini, kerana apa yang saya lihat adalah merupakan satu usaha untuk merealisasikan hasrat menjadikan Cyberjaya sebagai satu Bandar ICT yang pesat membangun dan kondusif bagi operasi syarikat-syarikat yang bertaraf MSC. Sejak pertama kali saya menghadiri taklimat pembangunan di sini pada tahun lalu, saya dapat melihat satu kemajuan pembangunan hartanah yang pesat. Kawasan Cyberjaya ini yang dahulunya merupakan satu kawasan yang penuh dengan tanaman kelapa sawit, kini telah bertukar rupa menjadi sebuah Bandar ICT yang menarik dan sibuk, serta setanding dengan bandar-bandar lain yang seumpamanya.

4. Sehingga tahun 2006, pembangunan keseluruhan kawasan di Cyberjaya ini telah menghasilkan ruang pejabat berjumlah 2.6 juta kaki persegi, dan kini, telah bertambah kepada 4.4 juta kaki persegi. Melihatkan kepada kerancakan trend pembangunan tersebut, pada tahun 2007, Kerajaan telah menaikkan nisbah plot pembangunan dari nisbah 1 ke nisbah 2.8, bagi menjadikan projek pembangunan di Cyberjaya lebih berdaya maju atau commercially viable. Dalam hubungan ini, mungkin Majlis Perbandaran Sepang boleh menilai semula untuk mengurangkan lagi keperluan nisbah tempat letak kereta supaya lebih banyak bangunan dapat didirikan. Saya mengucapkan syabas kepada Majlis Perbandaran Sepang kerana telah melakukan perubahan positif kepada garis panduan pembangunan Cyberjaya supaya menjadikan bandar ini lebih berdaya saing, tetapi pada masa yang sama tidak menjejaskan integritinya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. EMKAY adalah salah sebuah syarikat swasta yang bergiat aktif membawa pembaharuan dalam pembangunan hartanah di Cyberjaya bersama-sama dengan stakeholders lain seperti Multimedia Development Corporation, Cyberview Sdn Bhd, Setia Haruman Sdn Bhd dan Majlis Perbandaran Sepang. Mereka telah sama-sama membantu merealisasikan matlamat membangunkan Cyberjaya sebagai salah satu bandar ICT yang berjaya dari segi konsepnya, penekanan terhadap nilai pembangunannya hingga ke pendekatan nilai kemasyarakatan masa kini. Cyberview Sdn Bhd juga telah banyak menyumbang terhadap pembangunan bandar ini dengan membina kemudahan-kemudahan seperti Kelab Komuniti Cyberjaya serta menyediakan perkhidmatan 'park and ride', selain perkhidmatan 'district transportation system', dan pelbagai aktiviti yang dijalankan untuk warga Cyberjaya.

6. Sebelum saya tiba di tapak pelancaran ini tadi, saya telah dibawa untuk meninjau perancangan keseluruhan pembangunan di sini. Terdapat beberapa bangunan yang telah siap di sini, yang telah pun mempunyai penyewa yang akan menduduki bangunan tersebut bagi jangka masa yang panjang. Umpamanya, Blok A telah disewa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dan Blok B akan disewa oleh MAMPU. Saya percaya jemputan kepada saya pada hari ini bukan kerana penyewa-penyewa ini merupakan jabatan Kerajaan.

7. Pada hemat saya, pembangunan di Cyberjaya adalah seimbang. Ini adalah kerana, selain adanya pejabat Syarikat multinasional yang berstatus MSC yang dibangunkan di sini, terdapat juga himpunan universiti dan kolej sains perubatan hinggalah kepada deretan kawasan kediaman. Saya berharap stakeholders yang terlibat dengan pembangunan Cyberjaya, tidak hanya menumpukan kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi berusaha juga terhadap mewujudkan sebuah komuniti yang berminat dalam aspek intelektual, spiritual dan budaya.

8. Dalam hal ini, usaha Kumpulan EMKAY boleh dicontohi kerana mereka bukan sahaja membina unit-unit komersil dan pejabat di sini, malah mereka juga membina unit-unit kediaman berkonsepkan apartmen yang sesuai untuk golongan yang rata-ratanya terdiri daripada 'knowledge workers' dan para pelajar.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Haji Mustapha Kamal Haji Abu Bakar yang sudi mengundang saya ke Majlis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua stakeholders yang menjayakan acara pada hari ini. Harapan saya agar apa yang kita lihat pada hari ini akan dapat dinikmati oleh generasi kita pada masa akan datang.

10. Dengan itu, dengan lafaz Bismillahir rahmannir rahim, saya melancarkan pembinaan Blok D, MKN Embassy Techzone, Cyberjaya.

Sekian,

Wabillitaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.